

Kemajuan Belia Malaysia hasil dari NBOS

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

zahidhamidi.com

Januari 31, 2017

Dalam persekitan global yang semakin kompetitif, Belia Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran dan berperanan sebagai agen perubahan persekitan yang lebih holistik untuk menyediakan peluang, menggalakkan minat dan kemampuan terhadap kesejahteraan hidup. NBOS merupakan titik tumpuan pembangunan Malaysia melalui kerjasama jitu yang dilakukan oleh pelbagai pihak dan Kementerian serta memandu pelan tindakan bagi meningkatkan kesejahteraan belia di Malaysia. Saya melihat kesungguhan semua pihak yang terlibat dari awal pelaksanaan hingga kini. Seluruh negara telah mendapat manfaat daripada usaha yang kerajaan lakukan melalui NBOS dan saya juga melihat sendiri perubahan masyarakat di setiap bandar dan desa hasil daripada lawatan saya ke seluruh negara.

Kesungguhan pihak kerajaan untuk membangunkan bandar yang berintegrasi dengan mewujudkan peluang kepada belia memajukan diri dalam bidang pekerjaan dan keusahawanan. Ini dilihat tatkala saya turun padang untuk program NBOS, salah satunya ialah Bandar Belia 1Malaysia (1MYC) yang diwujudkan di daerah Mualim, Perak. 18 projek bakal dilaksanakan di Tanjung Malim seperti pusat seni, pengindahan Sungai Bernam, pusat pembangunan keusahawanan, pusat rekreasi 'townpark' dan 'townsquare', kompleks sukan mini, arena square, gelanggang go kart, serta pusat pengetahuan dan kemahiran yang ditawarkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah dikenal pasti oleh pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Hal ini bertepatan dengan usaha mengurangkan migrasi belia luar bandar serta mewujudkan peluang pekerjaan, aktiviti ekonomi dan keusahawanan di kawasan setempat.

Ehsan : <https://twitter.com/tengkuadnanreal>

Saya melihat Bandar Belia 1 Malaysia yang berteraskan pusat perniagaan mampu milik kepada golongan belia dan usaha kerajaan dalam menggalakan usahawan food truck yang semakin popular dikalangan para belia diketika ini. Food truck ini akan beroperasi di kawasan tempatan bagi mengalakkan aktiviti belia berinovasi dan berdaya saing dengan suasana tempat untuk berniaga yang seronok dan menarik. Ini akan memberi peluang kepada golongan belia agar meningkatkan taraf hidup dan pembangunan di kawasan separa bandar serta sekali gus dapat menjadikan kawasan tersebut sebagai hub bandar belia.

Ehsan : www.mstar.com.my

Permohonan Rumah Transit : www.kpkt.gov.my

Kerajaan telah mengenal pasti pelbagai kemudahan akan disediakan untuk Bandar Belia 1Malaysia ini seperti liputan perkhidmatan 4G, pusat seni selain membina Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan perkhidmatan rumah transit bagi membolehkan pasangan muda berpendapatan rendah menyewa rumah sementara. Dengan ini saya yakin, ia dapat mengimbangi peningkatan kos sara hidup terutama kepada belia luar bandar dengan kewujudan bandar belia.

Aktiviti pelancongan juga dilihat sebagai menjana pendapatan bagi penduduk setempat dengan lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut. Jumlah pelancong akan meningkat ke kawasan separa bandar kerana para pelancong pasti akan tertarik untuk ke sesuatu tempat yang dipenuhi dengan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh belia setempat.

Ada banyak lagi kejayaan melalui strategi NBOS, yang mana hasilnya berimpak tinggi, kos yang rendah, pelaksanaan yang cepat dan pesat serta ia membabitkan semua rakyat. NBOS

juga menyokong dan mengalakkan penggunaan inovasi dan cara berfikir yang baru dan berkepakaran tinggi yang Malaysia perlukan untuk maju dan terus mampan. Oleh itu bersamalah kita bersama-sama berganding bahu dan bersatu hati, dalam menjayakan matlamat ini, membawa Malaysia sebagai negara yang makmur dan maju.

©2017 Copyright Reserved zahidhamidi.com, Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/kemajuan-belia-malaysia-hasil-dari-nbos/>